



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

NGO DAN SYARIKAT KORPORAT DISARAN AGAR AKTIF MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI BERTERASKAN PERPADUAN DAN INTEGRASI SOSIAL

KUDAT, 4 Ogos – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyeru agar lebih banyak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta syarikat korporat untuk tampil aktif dan berperanan dalam **menganjurkan program pembangunan komuniti yang berteraskan perpaduan dan integrasi nasional**. Perkara ini diumumkan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara ketika menyempurnakan Majlis Perasmian dan Pelancaran Program Jelajah Perpaduan Kayuhan Sihat Borneo 2025, hari ini.

Menurut YB Datuk Aaron, “**program berteraskan perpaduan dan integrasi nasional harus dijadikan fokus utama dalam pelaksanaan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) oleh syarikat-syarikat di negara ini**. Ini kerana perpaduan bukan hanya tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi merupakan usaha kolektif seluruh rakyat termasuk sektor korporat, masyarakat sivil, dan komuniti setempat.”

Beliau turut memaklumkan bahawa KPN akan berunding dengan Kementerian Kewangan serta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi **mempertimbangkan penyediaan insentif pengecualian cukai kepada syarikat-syarikat yang menyumbang secara langsung kepada program atau aktiviti perpaduan di peringkat komuniti**.

Program Jelajah Perpaduan Kayuhan Sihat Borneo 2025 akan menjelajah Borneo selama 15 hari, merentasi jarak lebih 1,500 kilometer bermula dari Tips of Borneo, Mengayau Kudat sehingga ke Teluk Melano, Sarawak. Program ini akan memberi fokus kepada **tiga (3) teras utama** iaitu agenda perpaduan dan integrasi nasional, agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) dan Kempen Kibar Jalur Gemilang dan Kempen Rukun Negara sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang bakal tiba tidak lama lagi.

Kementerian Perpaduan Negara
4 Ogos 2025
KPN.100-9/1/16 (60)